

CENDEKIAWAN

Adab dengan guru jaminan keberkatan ilmu



Oleh AHMAD IRFAN IKMAL HISHAM

MANUSIA adalah sebaik-baik ciptaan Allah SWT. Mulianya manusia, adalah kerana ilmu. Sejak awal penciptaan Nabi Adam AS di syurga, Allah SWT telah mengajar baginda ilmu pengetahuan secara langsung, hingga menyebabkan para malaikat dan jin terdiam, walaupun pada permulaannya mereka mempersoal penciptaan manusia sebagai khalifah di muka bumi.

Firman Allah SWT: *"Dan Ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Ia berfirman: "Terangkanlah kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar."* (al-Baqarah:31).

Atas sebab itu, Allah SWT sentiasa memuliakan orang yang berilmu, khususnya yang terlibat dalam menyebarkan ilmu seperti guru. Dalam Islam, kedudukan guru adalah terlalu istimewa. Seorang penyair Arab Mesir, Ahmad Shauqi pernah menyatakan: "Sambutlah guru, dan berikan penghormatan untuknya. Hampir-hampir seorang guru menyamai kedudukan seorang Rasul." "Tahukah siapa orang yang lebih mulia dan lebih agung berbanding insan yang membangun dan membina jiwa dan akal?"

Beberapa tahun lepas, dunia pendidikan moden mula mempromosi Pendidikan Abad ke-21. Proses pembelajaran yang berpusatkan kepada murid memberikan penerapan terhadap beberapa elemen penting seperti komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Selain itu, proses pembelajaran dan pengajaran juga memberikan fokus kepada kaedah belajar dengan melakukan (*learning by doing*) selain kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Antara impak gagasan ini ialah memberikan manfaat teknologi maklumat dalam sistem pembelajaran. Ini membabitkan



GURU hanyalah manusia tetapi hilang adab dengan guru boleh menyebabkan terputusnya keberkatan ilmu yang akhirnya merugikan pelajar itu sendiri. - Gambar hiasan

platform pembelajaran yang kompleks, sehinggalah aplikasi ringkas seperti grup sosial media WhatsApp yang membolehkan ibu bapa dan guru berhubung mengenai pembelajaran anak di sekolah.

Di peringkat pengajian tinggi pula, pembelajaran atas talian semakin mendapat tempat. Bahkan terdapat beberapa kursus yang menawarkan program atas talian sepenuhnya, tanpa keperluan untuk bertemu dengan guru.

Antara kesan daripada perkembangan ini ialah persoalan adab dengan guru. Isu perselisihan dalam grup WhatsApp sekolah memang kerap berlaku. Kadang-kadang membabitkan isu yang remeh-temeh seperti kehilangan barangan anak, yang membawa kepada serangan melulu kepada guru. Mahasiswa di universiti pula semakin kurang mementingkan adab dalam berkomunikasi dengan guru. Kemuncaknya, menghantar e-mel atau surat permohonan latihan industri atau permohonan kerja pun ditolak oleh majikan kerana kejanggalan dalam berkomunikasi kesan pengabaian adab.

Guru dan pensyarah di universiti juga dinilai atas talian oleh pelajar mereka. Sekiranya pensyarah seorang yang tegas

dalam kelas, kebiasaannya pelajar akan memberikan penilaian yang rendah kepada pensyarah berkenaan. Ada juga kes pelajar yang tidak berpuas hati dengan pensyarah, mereka akan terus melaporkan kepada pihak pengurusan tertinggi, tanpa berbincang dulu dengan pensyarah berkenaan. Walaupun diberikan ruang untuk pembelaan, tetapi malangnya imej sudah pun tercalar.

Menghormati

Guru hanyalah manusia biasa, mungkin melakukan kesilapan. Bagaimanapun, hilang adab dengan guru, baik daripada pelajar apatah lagi penjaga boleh menyebabkan terputusnya keberkatan ilmu yang akhirnya merugikan pelajar itu sendiri. Amat jauh sikap menghormati guru generasi terdahulu dengan sekarang.

Abdullah bin Abbas, sepupu nabi yang muda dilaporkan sentiasa menghormati salah seorang gurunya, senior dalam kalangan sahabat iaitu Zaid bin Thabit.

Diriwayatkan, beliau sentiasa menghulurkan tangga kecil apabila Zaid ingin menunggang kuda dalam permusafiran. Ini dilakukan oleh Ibn Abbas sebagai adab kepada guru, walaupun beliau sendiri adalah seorang

yang faqih dalam agama.

Imam al-Shafi'i juga amat teliti dalam menghormati gurunya. Beliau amat berhati-hati apabila membelek kitab, supaya tidak mengeluarkan bunyi bisings semasa berada dalam majlis ilmu yang dikendalikan oleh Imam Malik.

Imam Abu Hanifah pula dilaporkan, tidak pernah melunjurkan kakinya ke arah rumah gurunya Hammad sebagai penghormatan kepadanya, walaupun jarak antara kedua-dua rumah mereka agak jauh.

Hasil daripada sikap menghormati guru ini, maka mengalirlah keberkatan dalam diri pelajar. Anak murid yang hebat, yang belajar daripada guru yang hebat, akhirnya menjadi seorang guru yang hebat. Untuk menghormati guru, tiada modal wang ringgit yang sepatutnya pelajar perlu keluarkan.

Guru tidak pernah mengharap hadiah dan sanjungan, sebaliknya yang diperlukan ialah penghargaan serta sikap saling hormat-menghormati dalam persekitaran pembelajaran.

● AHMAD IRFAN IKMAL HISHAM, merupakan Pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan di Universiti Malaysia Pahang.